

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
(WANGSA MAJU)**

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada cadangan Kerajaan untuk memindahkan Ibu Pejabat Polis Daerah Wangsa Maju yang kini berada di Pudu, Cheras ke Wangsa Maju.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Wangsa Maju kini sedang dikaji memandangkan tapak tanah untuk projek ini hanya berkeluasan 5.66 ekar yang tidak memenuhi Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015, Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi yang ditetapkan oleh Kerajaan. Kementerian Dalam Negeri akan menyenaraikan semula projek ini dalam perancangan projek *Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Ke-12 setelah isu tanah diselesaikan.